



**1. PEGAWAI EKONOMI  
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=7**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Ekonomi / Pembangunan Dasar Ekonomi dan Antarabangsa / Dasar / Pengurusan Projek / Pentadbiran / Pengurusan Perniagaan / Undang-Undang Perniagaan / Sains Kemasyarakatan (Major dalam bidang *Ekonomi*) / Undang-Undang atau bidang bersesuaian.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI EKONOMI:**

**(Bahagian Persaingan [Competition Division])**

**a) Research & Investigation Section Unit**

- i) Bertanggungjawab dalam memberi input ekonomi dan analisis kepada penyiasatan dan menjalankan penyelidikan pasaran ataupun sektor (*market studies*) terutamanya bagi *high priority sectors* dalam ekonomi.
- ii) Memberi nasihat kepada pihak Kerajaan mengenai isu-isu Persaingan khasnya yang mempunyai impak kepada dasar Kerajaan.

**b) Legal & Enforcement Unit**

- i) Bertanggungjawab dalam menganalisa kes-kes yang telah disiasat dan menghadapkan kepada Suruhanjaya Persaingan bagi keputusan selanjutnya (*decision-making*).
- ii) Melaksanakan kerja-kerja *legal advisory* bagi memberi nasihat undang-undang kepada *entiti bisnes* dn pihak Kerajaan.



c) ***Advocacy, Interantional dan Strategic Planning Unit***

- i) Bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja pemberigaan bagi memastikan kefahaman dan kesedaran orang ramai mengenai manfaat dan implikasi Perintah Persaingan dan mewujudkan *competition compliance culture*.
- ii) Bertanggungjawab dalam mewakili *Brunei's interest* dalam hal-ehwal antarabangsa berkaitan persaingan antara ASEAN, AANZFTE, RCEP dan APEC.
- iii) Bertanggungjawab untuk memberi cadangan reformasi bagi sektor Kerajaan dalam meningkatkan Persaingan.

**2. (Bahagian Kawalan Harga):**


- i) Membantu Penolong Pengarah atau Ketua Bahagian dalam urusan-urusan pentadbiran, perancangan dan pengurusan Jabatan.
- ii) Menguarkan dan memantau perlaksanaan perundangan Akta Kawalan Harga dan Perintah Perlindungan Pengguna (Perdagangan Adil), 2011.
- iii) Merebu dan menyediakan perundangan yang berkaitan dengan Kawalan Harga dan Hal Ehwal Pengguna serta memantau perlaksanaan dan perundangan tersebut setelah dikuatkuasakan.
- iv) Memproses permohonan bagi penetapan harga barang-barang asas yang dikawal harga.
- v) Membuat penyelidikan dan menyediakan dasar / kedudukan Negara Brunei Darussalam berhubung hal ehwal kepenggunaan.
- vi) Menangani aduan pengguna melalui perundingan dan pengantaraan (*mediation*) dengan pihak-pihak terlibat.
- vii) Mengikuti perkembangan hal ehwal pengguna ke arah meningkatkan kerjasama dengan pengguna, media dan masyarakat pengguna tempatan dan penguna antarabangsa.
- viii) Menjalankan penyelidikan mengenai trend perubahan harga serta yang berkaitan dengan hal ehwal pengguna.



- ix) Menyediakan dan mengadakan program / aktiviti-aktiviti / taklimat yang berkaitan dengan Kawalan Harga dan Hal Ehwal Pengguna dengan matlamat untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti ke arah perkembangan ekonomi dan perdagangan serta pendidikan pengguna dan kesedaran pengguna.
- x) Menyelaras dengan *stakeholders* berkenaan mengenai dasar serta mekanisma kawalan harga dengan hal ehwal pengguna.
- xi) Tugas dan tanggungjawab lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dan pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.

### **3. Jabatan Dasar dan Penyelaras**

- i) Menjalankan penyelidikan analisa isu-isu ekonomi dan sosial samada di dalam atau luar Negera dengan matlamat untuk memajukan dan mencadangkan strategi perancangan dan dasar-dasar sosial ekonomi yang optima.
- ii) Menyediakan dan membuat analisa berkaitan isu-isu ekonomi dan sosial samada di dalam atau luar Negara dengan menggunakan model-model ekonomi.
- iii) Mendapatkan input dan maklumat yang behubung dengan persediaan, penyelaras, perlaksanaan dan penggubalan dasar-dasar ekonomi negara daripada institusi dan kementerian yang berkenaan.
- iv) Menyediakan laporan economic *blueprint* yang mengandungi cadangan perlaksanaan dan perkembangan dasar-dasar sosio-ekonomi selaras dengan matlamat dan sasaran jangka pendek, sederhana dan panjang serta untuk dihadapkan kepada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah atau Pegawai Kanan.
- v) Memberikan *input* kepada maklumat yang dipohonkan oleh organisasi tempatan dan antarabangsa berhubung dengan isu-isu sosio-ekonomi.
- vi) Menghadiri mesyuarat, persidangan, seminar dan bengkal di dalam atau di luar negara mengenai perkara-perkara ekonomi dan sosial.
- vii) Menjalankan tugas yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.



#### **4. Jabatan Perancangan**

- a) Mengenal, menyediakan dan mencadangkan (*identify, plan and proposed*) sebarang bentuk dasar dan strategi kepada inisiatif Kerjasama Awam Swasta untuk dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam, seperti:
  - i. Membuat kertas dasar Inisiatif Perkongsian Awam Swasta [PPP],
  - ii. Membuat rangka kerja (*framework*) kepada Inisiatif Perkongsian Awam Swast [PPP] termasuklah Deraf Garispandu PPP bagi Negara Brunei Darussalam.
- b) Menjalinkan perhubungan strategik (*strategic partnerships*) dengan pihak-pihak berkepentingan seperti jabatan-jabatan kerajaan dan pihak institusi kewangan.
- c) Membuat '*continuous research*' berkenaan dengan inisiatif Pengswastaan.
- d) Mengenal pasti cadangan projek yang layak untuk dilaksanakan menggunakan kaedah PPP.
- e) Mengkaji dan menilai sebarang cadangan projek PPP yang dihadapkan kepada Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi.
- f) Mengendalikan lain-lain tugs seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa.